

**NO. SOALAN : 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TANJONG PIAI**

**TARIKH : 24 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani laluan pelancongan ke kawasan Kukup yang masih gelap khasnya di laluan Pekan Nanas–Belokok–Telok Kerang agar pelancong merasa lebih selamat dan selesa apabila melalui laluan tersebut pada waktu malam.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) sentiasa prihatin kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangun atau dinaiktarafkan. Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di kawasan Kukup. Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPEN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membangunkan industri pelancongan khususnya di kawasan Parlimen Tanjung Piai.

Sekian, terima kasih.